



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	METRO AHAD			
TARIKH	:	10/11/2019	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	JPS / BANJIR			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



7,000 penduduk dijangka pindah

PENINGKATAN paras air di Sungai Golok dekat Kampung Cabang Tiga, pekan Rantau Panjang menyebabkan banjir.

Rantau Panjang: Lebih 7,000 penduduk di Rantau Panjang dijangka berpindah ke pusat penempatan sementara (PPS) jika banjir melanda hujung tahun ini.

Pegawai Angkatan Pertahanan Awam Daerah Pasir Mas, Kapten (PA) Mohd Arif Mohd Zain berkata, bilangan mangsa bertambah melebihi 2017 jika bencana yang berlaku lebih besar daripada tahun sebelum ini berikutan pembinaan benteng penahan banjir di wilayah Thailand.

Katanya, penduduk terutama berdekatan Sungai Golok perlu sentiasa bersedia dan berwaspada terutama apabila berlaku peningkatan paras air Sungai Golok.

“Biasanya penduduk di sepanjang sungai diarahkan berpindah ke pusat pemindahan banjir terdekat apabila air sungai mencecah paras bahaya iaitu sembilan meter manakala Sungai Golok melimpah apabila paras mencecah lebih 10 meter.

“Seramai 120 anggota APM dari Pasir Mas dan Rantau Panjang sentiasa dalam keadaan bersedia sedia untuk membantu penduduk yang ditimpa bencana terbabit.

“Malah, kami sudah menjalankan beberapa siri latihan sebagai persiapan selain mengambil langkah awal menghantar bot ke beberapa kawasan rendah yang dinaiki air seperti di Kampung Rahmat, Kampung Lubok Stol dan Kampung Bakong,” katanya selepas membuat tinjauan di Sungai Golok, kelmarin.